

KEMAMPAHAN SEKURITI MAKANAN DALAM ERA PERINDUSTRIAN: PENGAJARAN DARIPADA MALAYSIA

Zahrul Akmal Damin¹ * (Prof. Madya Dr. Ahmad Martadha Mohamed² **)

¹ *Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor;* ² *Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah*

*zahruld@uthm.edu.my; **martadha@uum.edu.my

ABSTRAK

Di Malaysia, perkembangan pertanian untuk sekuriti makanan ditekankan bagi memastikan penawaran yang stabil dalam mengimbangi permintaan domestik. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan telah menekankan dasar pembangunan pertanian meskipun berhadapan dengan cabaran kepesatan sektor perindustrian. Semenjak tahun 1984, cabaran pembangunan pertanian untuk sekuriti makanan adalah kritikal apabila Malaysia mengalami fasa pembangunan perindustrian yang aktif. Sehubungan itu dalam konteks rangka kerja, kajian ini adalah untuk melihat usaha-usaha pembangunan pertanian yang diambil oleh pemimpin kerajaan bagi memastikan sekuriti makanan dalam era perindustrian terjamin. Berasaskan dasar rancangan pembangunan Malaysia lima tahun, strategi-strategi kerajaan untuk menyediakan pengeluaran makanan yang mampan adalah diteliti. Menggunakan analisis kualitatif, kertas ini menganalisis dasar-dasar pemimpin kerajaan berhubung pembangunan pertanian untuk sekuriti makanan meliputi (i) fasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, (ii) fasa pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan (iii) fasa pemerintahan Dato' Seri Mohd. Najib Abdul Razak. Adalah diharapkan daripada penemuan ini dapat membantu pembuat dasar dalam merangka pembangunan pertanian untuk sekuriti makanan bagi mengoptimumkan pengeluaran makanan dan pada masa yang sama dapat melindungi negara daripada ancaman yang mampu mengganggu gugat kestabilan negara akibat kekurangan bekalan.

Kata kunci: pembangunan pertanian, sekuriti makanan


PENGENALAN

Hasil kajian Rosegrant, Tokgoz dan Bhandary (2013) mendapati bahawa sekuriti makanan adalah bergantung kepada sektor pertanian. Ia merupakan sektor yang menentukan kedudukan keterjaminan makanan untuk tujuan sekuriti. Menurut Ferdoushi dan Chamhuri (2013) dalam kajiannya, sekuriti makanan merupakan isu yang mencemaskan di Negara-Negara Sedang Membangun termasuk Malaysia. Dalam konteks ini, Malaysia menerusi dasar pertanian makanan yang diperkenalkan telah mengambil pendekatan untuk mengeluarkan sendiri makanan. Namun, pertanian makanan ini berhadapan

dengan persaingan daripada perkembangan aktiviti sektor perindustrian (Ruhaidini, 2013). Hal ini kerana kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian (Mahani, 2004). Oleh itu, kerajaan banyak memfokuskan kepada pengeluaran produk bernilai tinggi selari dengan matlamat Wawasan 2020. Dapatan daripada Hirschman (2013) menunjukkan bahawa keupayaan sektor perindustrian semakin terserlah apabila aktiviti perkilangan dan pembuatan telah memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara. Fokus kerajaan kepada pembangunan sektor perindustrian ini telah menyebabkan pergelutan kepentingan dalam usaha untuk mengangkat sekuriti makanan (Hill, Yean & Ragayah, 2012). Lebih membimbangkan apabila sektor pertanian yang membekalkan makanan tidak mampu menampung permintaan yang berkembang. Keadaan ini berlaku akibat wujudnya peningkatan populasi secara linear seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1. Walau bagaimanapun, ia tidak bermaksud kepimpinan kerajaan Malaysia tidak mengambil langkah dalam mengatasi isu ini. Perkara tersebut dibuktikan apabila setiap dasar pertanian yang diperkenalkan telah memberi tumpuan terhadap aktiviti pengeluaran makanan. Sungguhpun begitu, pengeluaran makanan untuk memenuhi keperluan populasi ini tidak stabil menyebabkan sekuriti makanan terdedah kepada risiko dan ancaman. Maka, kekurangan komoditi ini telah ditampung oleh dasar pengimportan daripada negara luar (Ministry of Finance, 2011). Tindakan ini menurut Nettle (2013) memperlihatkan bahawa pendirian yang diambil oleh kepimpinan kerajaan mempunyai peranan yang penting dalam usaha mewujudkan sekuriti makanan.

Rajah 1

Jumlah Populasi Malaysia Bagi Tahun 1985 Hingga 2012 (Juta Orang)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (2012)

KONSEPTUAL SEKURITI MAKANAN

Kajian sekuriti makanan ini teretus daripada wacana pembangunan yang melibatkan kerangka konsep keselamatan insan. Konsep ini telah diperkenalkan oleh Haq dalam *United Nations Development Programme* (UNDP) pada tahun 1994 dengan membahaskan kehidupan manusia tanpa ancaman termasuk daripada aspek sekuriti makanan (Gesper, 2005; Haq,

1995). Sungguhpun sekuriti makanan telah diperdebatkan seawal tahun 1937 dan diberi definisi sebanyak 200 konsep, penekanan semula terhadap isu ini telah membawa kepada perbahasan skop yang lebih meluas (Hoddinott, 1999; Padilla, 1997; Shaw, 2007). Sehingga kini, konsep sekuriti makanan yang didefinisikan oleh *Food and Agriculture Organization* (FAO) iaitu agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengalami beberapa evolusi penambahbaikan dengan turut mengambil kira idea yang diperkenalkan oleh Haq dan sebelumnya oleh Bank Dunia (Mechlem, 2004). FAO pada tahun 2001 telah mendefinisikan sekuriti makanan sebagai;

“Sekuriti makanan [adalah] satu keadaan yang wujud apabila semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat serta berkhasiat yang dapat memenuhi keperluan pemakanan mereka dan mempunyai pilihan makanan untuk kehidupan yang aktif serta hidup sihat.”

Selari dengan itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota PBB dilihat mempunyai tanggungjawab dalam menjayakan matlamat pertubuhan ini (Noga & Wolbring, 2013). Antara pendekatan yang telah diambil oleh Malaysia untuk mengangkat sekuriti makanan adalah mengeluarkan sendiri makanan utama yang diklasifikasi sebagai produk strategik. Ia adalah merangkumi pengeluaran bagi tanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran selain mengusahakan penternakan haiwan daging serta penangkapan dan perusahaan ikan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2012).

PERNYATAAN MASALAH

Pemfokusan terhadap sektor perindustrian yang ditekankan oleh kepimpinan kerajaan bermula pada tahun 1984 telah menenggelamkan sektor pertanian (Rajah Rasiah, 2011a). Perubahan fokus ini berlaku ketika Mahathir memimpin Malaysia dan mengambil keputusan untuk mengembangkan sektor perindustrian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Darni (2007), Mahathir pada awal 1980an telah mengambil keputusan untuk mempelbagaikan asas ekonomi Malaysia sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap komoditi pertanian. Pandangan ini telah disokong oleh Abdul Mua'ti @ Zamri (2007) yang melihat Malaysia di bawah pimpinan Mahathir telah mengalami perubahan fokus dalam kegiatan ekonomi. Rasional tindakan ini telah ditegaskan sendiri oleh Mahathir (2007) iaitu sektor perindustrian mampu mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih besar berbanding pertanian. Oleh itu, sektor perindustrian telah diangkat menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi Malaysia dan dasar ini diteruskan oleh pemimpin selepasnya.

Impak daripada pengubahsuaian fokus ini dilihat berlarutan hingga kini walaupun dasar sekuriti makanan di peringkat antarabangsa telah diperkenalkan pada tahun 1994 dalam UNDP (Ahmad Martadha & Zahrul Akmal, 2013). Perubahan fokus dasar telah menyebabkan halatuju perancangan pembangunan Malaysia bertukar daripada negara berasaskan pertanian kepada negara perindustrian (Chamhuri, Surtahman & Norshamliza, 2005). Menurut Rajah Rasiah (2011b), eksploitasi terhadap sektor industri dilakukan dengan pesat apabila getah, kelapa sawit, petroleum dan tekstil serta elektrik dan elektronik diberikan tumpuan berbanding pertanian makanan. Namun demikian, kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mewujudkan sekuriti makanan selepas kegawatan ekonomi 1997. Pelbagai dasar telah dibangunkan seperti Dasar Pertanian Ketiga, Dasar Bioteknologi Negara dan Dasar Agromakanan sebagai cerminan kepentingan isu sekuriti makanan (Zahrul Akmal & Ahmad Martadha, 2013). Ia meliputi pelaksanaan strategi pembangunan pertanian bernilai tinggi, pertanian berpacuan R&D selain meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2011; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, 2005; *Ministry of Agriculture Malaysia*, 1999).

Akan tetapi, pembangunan sektor perindustrian yang lebih rancak telah menyebabkan fokus kepada sektor pertanian mendapat tumpuan yang kurang berikutan Malaysia berada dalam proses transformasi ekonomi ke arah negara maju pada tahun 2020 (Bashar & Khan, 2013; Jeshurun, 1993). Perkara ini terbukti apabila kerajaan telah mewujudkan pelbagai dasar untuk perindustrian berbanding pertanian selepas dasar perindustrian diperkenalkan seperti mana Jadual 1. Ini disebabkan sektor perindustrian dilihat lebih berupaya untuk menjadi enjin pertumbuhan ekonomi berbanding sektor pertanian (Kamarudin, Rosman & Mohamad Shukri, 2006). Tambahan, sektor perkhidmatan turut memberikan persaingan apabila sektor tertier ini turut diangkat sebagai pemangkin kepada kemajuan (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, 2013). Selari dengan itu, agihan bajet perbelanjaan pembangunan negara bagi maksud pertanian dan luar bandar telah menerima peratusan yang semakin menyusut walaupun nilai sebenarnya meningkat. Sebaliknya, perdagangan dan perindustrian pula menerima peratusan agihan peruntukan yang semakin berkembang sebagaimana Rajah 2 (Ahmad Martadha & Zahrul Akmal, 2012).

Jadual 1

Dasar Kerajaan Berhubung Pembangunan Sektor Perindustrian dan Pertanian Selepas Pengenalan Dasar Perindustrian


Sektor	Dasar
Perindustrian	Dasar Perindustrian Berat, Dasar Automotif Negara, Dasar Sogoshosha Malaysia, Pelan Induk Perindustrian, Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional, Industri Kecil dan Sederhana, Pelan Induk Perindustrian Kedua, Dasar Sains dan Teknologi, Dasar Teknologi Maklumat, Dasar Teknologi

Maklumat dan Komunikasi, Dasar Wawasan Negara, Pelan Induk Perindustrian Ketiga, Dasar Automotif Nasional, Perusahaan Kecil dan Sederhana, dan Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara.
 Pertanian Dasar Pertanian Negara, Dasar Pertanian Negara Kedua, Dasar Pertanian Negara Ketiga, Dasar Bioteknologi Negara, dan Dasar Agromakanan Negara.

Sumber: Nazaruddin, Ma'rof, Asnarulkhadi dan Ismail (2005) serta Zahrul Akmal, Fauziah, Lutfan, Khairunesa dan Harliana (2012)

Rajah 2

Pola Perbandingan Peratus Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Malaysia ke Atas Pertanian dan Luar Bandar serta Perdagangan dan Perindustrian Bagi Tahun 1984 Hingga 2013




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, 1985 hingga 2012

Hasil daripada perubahan fokus ini telah memberi implikasi negatif kepada pendayaupayaan pertanian seperti pengeluaran mengecil sekaligus menggugat pengeluaran makanan (Chamhuri & Surtahman, 2002). Rajah 3 menunjukkan pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran pada tahun 1985 hingga 2012 yang berkembang dengan tidak stabil selepas dasar perindustrian diperkenalkan. Sungguhpun sekuriti makanan ditekankan semula pada tahun 1994, ketidakupayaan kerajaan dalam menguruskan pertanian makanan misalnya di antara tahun 1997 hingga 2000 adalah membimbangkan. Hal ini kerana sektor pertanian makanan terpaksa bersaing dalam aspek guna tanah dengan perindustrian terutama untuk tanaman industri sebagaimana Jadual 2. Didapati daripada jadual ini keluasan tanaman makanan adalah jauh lebih rendah daripada tanaman bagi tujuan industri. Lebih mengelisahkan lagi apabila Aruna (2012) menyatakan bahawa sebanyak 106000 hektar tanah kawasan padi atau bersamaan 50000 padang bola telah diubahsuai penggunaannya untuk tujuan perindustrian dan perumahan. Oleh itu, timbul persoalan bagaimana kerajaan mampu menjamin sekuriti makanan bagi mewujudkan kestabilan untuk mengimbangi permintaan daripada populasi yang meningkat.

Rajah 3

Pola Pengeluaran Padi, Buah-buahan dan Sayur-sayuran Bagi Tahun 1985 Hingga 2012 ('000 Tan Metrik)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011), Jabatan Perangkaan Malaysia (2006), Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), Jabatan Perangkaan Malaysia (1995), Jabatan Perangkaan Malaysia (1990), Jabatan Perangkaan Malaysia (1985) dan Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia (2012)

Jadual 2

Perbandingan Keluasan Kawasan Tanaman Makanan yang Ditanam dengan Tanaman Komersil, 1985 Hingga 2011 (000 ha)

Tanaman		1985	1990	1995	2000	2005
2010	2011					
Tanaman Makanan						
677	Padi	649	662	666	400	611
239	Buah-buahan	119	177	244	345	379
52	Sayur-sayuran	14	31	36	42	77
Tanaman Industri						
999	Getah	1948	1836	1679	1344	1259
	Kelapa Sawit	1447	2029	2539	3376	4051
4853	5000					

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011), Jabatan Perangkaan Malaysia (2006)

dan

Jabatan Perangkaan Malaysia (2000)

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunapakai dalam penyelidikan berhubung pendirian dasar kerajaan terhadap sekuriti makanan ini adalah berlandaskan kajian kualitatif seperti yang dilaksanakan oleh Hoddinott et. al (2013) serta Riley dan Legwegoh (2013). Pendekatan kualitatif merujuk kepada kaedah yang diguna

pakai bagi mengkaji fenomena yang tidak bergantung kepada statistik dalam kutipan dan analisis data (Klenke, 2008; Zahrul Akmal et. al, 2012). Dari aspek reka bentuk kajian pula, penyiasatan yang dilakukan adalah melibatkan analisis kandungan sebagaimana kajian oleh Sneyd, Legwegoh dan Fraser (2013). Namun dalam kajian ini, sumber yang dianalisis adalah dokumen perancangan dan pembangunan negara bagi setiap lima tahun sebagaimana Jadual 3. Justifikasi pemilihan dokumen ini kerana ia mengandungi perancangan dasar kerajaan yang melibatkan sekuriti makanan di bawah tema prospek sektor pertanian yang merangkumi tanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Kaedah analisis kandungan digunakan ke atas dokumen dengan meneliti, memilih, menyaring dan menetapkan teks secara tekstual. Penganalisaan pula dilakukan dengan menganalisis kandungan teks dari aspek perkataan dan ayat.

Jadual 3

Rancangan Pembangunan Malaysia dalam Era Perindustrian

Dasar	Pemimpin	Tempoh
Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) 1986-1990	Mahathir Mohamad	
Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) 1991-1995	Mahathir Mohamad	
Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) 1996-2000	Mahathir Mohamad	
Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) 2001-2005	Mahathir Mohamad	
Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9)	Abdullah Ahmad Badawi	2006-2010
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10)	Mohd. Najib Abdul Razak	2011-2015

Sumber: Malaysia, 1986 Hingga 2011


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sungguhpun kerajaan Malaysia mengalihkan fokus negara kepada perindustrian, jaminan terhadap sekuriti makanan masih diutamakan bagi mewujudkan kestabilan negara disamping untuk memenuhi keperluan penduduk (Ahmad Zubir, Chamhuri & Rospidah, 2010; Noorfazreen & Asmak, 2011). Kerajaan menerusi pendekatan strategik terutama melalui pembangunan aktiviti pertanian, pembukaan tanah baru dan penggunaan tanah secara optimumserta R&D telah mampu membawa sekuriti makanan ke tahap yang baru. Ia diperkuatkan lagi oleh hasil pembelajaran daripada kegawatan ekonomi 1997 apabila sekuriti makanan telah diberi perhatian yang serius (Mohd Mohit *et al*, 2008). Dapatan daripada analisis kandungan memperlihatkan bahawa terdapat 185 dasar yang diambil bagi menambahkan pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan sebagaimana Lampiran 1. Dasar-dasar khusus yang bertujuan untuk menjamin sekuriti makanan ini telah diperkenalkan oleh tiga orang pemimpin negara iaitu (i) Mahathir; 101 dasar atau 54.6 peratus (RMK5 hingga RMK8), (ii) Abdullah; 64 dasar atau 34.6

peratus (RMK9), dan (iii) Mohd. Najib; 20 dasar atau 10.8 peratus (RMK10) sebagaimana Rajah 4.

Rajah 4

Dasar Sekuriti Makanan dalam Tempoh Pemerintahan Mahathir, Abdullah dan Mohd. Najib untuk Pengeluaran Padi, Buah-buahan dan Sayur-sayuran (Kekerapan)




Sumber: Malaysia (1986), Malaysia (1991), Malaysia (1996), Malaysia (2001), Malaysia (2006) dan Malaysia (2011)

5.1 Fasa Pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad

Di bawah RMK5 hingga RMK8, Mahathir telah memperkenalkan 101 dasar yang khusus untuk sekuriti makanan merangkumi pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Daripada jumlah ini, 16 dasar diperkenalkan dalam RMK5, 24 dasar dalam RMK6, 44 dasar dalam RMK7 dan 17 dasar dalam RMK8 seperti mana Rajah 5 (juga rujuk Lampiran 1). Didapati daripada dapatan ini, Mahathir telah membangunkan pertanian dengan falsafah untuk memoden dan mengkomersilkan sektor ini selari dengan perkembangan perindustrian.

Rajah 5

Dasar Sekuriti Makanan untuk Pengeluaran Padi, Sayur-sayuran dan Buah-buahan dalam RMK5 Hingga RMK8 Ketika Pemerintahan Mahathir (Kekerapan)



Sumber: Malaysia (1986), Malaysia (1991), Malaysia (1996) dan Malaysia (2001)

Sejajar dengan itu, Mahathir telah merancang tanah-tanah pertanian bagi penanaman padi untuk diuruskan dengan efisien. Penumpuan penanaman padi di lapan kawasan jelapang membolehkan kemudahan pengairan dan saluran serta infrastruktur ditingkatkan bagi projek penanaman padi dua kali setahun. Penggalakkan perladangan padi secara berkelompok dan estet mini turut diperkenalkan kerana ia mampu melonjakkan hasil pengeluaran padi secara bidangan. Pada masa yang sama Mahathir turut mengorientasi semula sektor pertanian termasuk padi untuk diusahakan secara komersil dengan pengurusan ladang yang berkesan. Dengan cara ini, daya saing pengeluaran padi dapat dipertingkatkan menerusi teknik pengeluaran yang cekap. Malahan penggunaan teknologi dan mekanisme pengeluaran juga dipertingkatkan dalam setiap rantaian penghasilan produk seperti penanaman, pembajaan, penuaian dan pengendalian lepas tuai bagi mencipta nilai tambah. Oleh itu, penyertaan swasta secara berskala besar digalakkan dalam sektor pertanian makanan ini.

Sementara bagi maksud sekuriti makanan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan, Mahathir telah menggalakkan penanaman komoditi ini di tanah tinggi dan bekas lombong selain di tanah sedia ada. Langkah ini diambil bagi meningkatkan produktiviti untuk kegunaan pasaran tempatan dan eksport. Oleh itu, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan secara berskala besar diberikan tumpuan dengan disuntik oleh elemen Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta teknologi. Bagi sayur-sayuran, penggunaan kaedah pertanian moden turut digalakkan seperti pertanian tanpa berasaskan tanah iaitu hidroponik dan aeroponik selain menggunakan teknik lindungan hujan serta kalis serangga. Manakala untuk pengeluaran buah-buahan pula, Mahathir telah mencadangkan pengurusan tanaman secara estet, ladang satelit, pertanian integrasi dan kawasan pengeluaran kekal disamping menekankan tumpuan penanaman kepada sembilan jenis buah-buahan.


5.2 Fasa Pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi

Abdullah dalam RMK9 telah memperkenalkan hanya 64 dasar yang khusus untuk sekuriti makanan merangkumi pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan sebagaimana Rajah 6 (juga rujuk Lampiran 1). Sungguhpun begitu, Abdullah dilihat komited dalam menjamin sekuriti makanan walaupun hanya terlibat dengan satu Rancangan sahaja. Tindakan yang diambil oleh Abdullah ini jauh mengatasi penekanan dasar dalam Rancangan yang pernah dibuat sebelum mahupun selepas pemerintahannya.

Abdullah dilihat menekankan sekuriti makanan melalui strategi penambahbaikan kecekapan dan peningkatan produktiviti. Ia dilakukan agar pengeluaran makanan berada pada paras yang selamat. Abdullah telah menekankan semula perluasan kawasan tanaman makanan dan ia berbeza dengan pendekatan oleh Mahathir. Tindakan yang diambil ini adalah selari dengan sasaran yang telah ditetapkan olehnya dalam RMK9. Menerusi rancangan ini, penetapan kadar sara diri untuk pengeluaran padi telah ditetapkan lebih tinggi daripada rancangan sebelumnya iaitu 90 peratus. Program penyatuan dan pemulihan tanah telah diteruskan pada skala yang lebih besar bagi menjayakan matlamat berkenaan. Tindakan ini bertujuan untuk mempercepatkan pemodenan kebun kecil dan meningkatkan produktiviti pengeluaran. Oleh itu, pemerintahan Abdullah telah menyasarkan peningkatan pengeluaran padi di lapan kawasan jelapang untuk mencapai 10 tan metrik bagi setiap hektar. Dengan berbantuan teknologi, penggunaan benih bermutu tinggi dan klon berhasil tinggi adalah digalakkan hasil penekanan kepada bioteknologi.

Rajah 6

Dasar Sekuriti Makanan untuk Pengeluaran Padi, Sayur-sayuran dan Buah-buahan dalam RMK9 Ketika Pemerintahan Abdullah (Kekerapan)



Sumber: Malaysia (2006)

Bagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan pula, komoditi ini diusahakan secara berskala besar di kawasan pengeluaran dengan menggunakan pendekatan pembangunan secara berkelompok. Pengeluaran komoditi ini juga turut diperbanyakkan di zon-zon pengeluaran baru dan ladang moden dengan menumpukan kepada produk terpilih yang bernilai


tinggi dan mempunyai potensi eksport. Strategi ini dapat dijayakan dengan penglibatan aktif pihak swasta selain menggalakkan masyarakat setempat untuk turut serta dalam pengeluaran makanan menerusi pengaktifan semula Program Buku Hijau. Sehubungan itu, kerajaan di bawah pemerintahan Abdullah telah menggalakkan penggunaan bioteknologi dalam pertanian menerusi Dasar Bioteknologi Negara (DBN). Ia bertujuan untuk mewujudkan kekayaan baru terutama melalui pengeluaran benih dan klon tanaman berhasil tinggi. Pengenalan DBN ini dilengkapi dengan langkah peningkatan biokeselamatan menerusi *Sanitary and Phytosanitary Measures* (SPS) dapat mengurangkan risiko dan kerugian pengeluaran serta mempertingkatkan potensi dalam memperkembangkan eksport produk makanan.

5.3 Fasa Pemerintahan Dato' Sri Mohd. Najib Abdul Razak

Dalam RMK10, Mohd. Najib telah memperkenalkan sebanyak 20 dasar yang khusus untuk sekuriti makanan merangkumi pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan sebagaimana Rajah 7 (juga rujuk Lampiran 1). Walaupun jumlah dasar yang diperkenalkan ini rendah akan tetapi didapati ia adalah jumlah yang lebih tinggi daripada RMK8. Dapatan juga menunjukkan terdapat pelbagai pendekatan strategik bagi menjamin sekuriti makanan telah diambil oleh Mohd. Najib. Beliau telah merancang meningkatkan produktiviti padi di kawasan jelapang dan luar jelapang melalui penaiktarafan infrastruktur. Langkah ini diambil bagi mengekalkan stok simpanan beras agar berada pada paras 292,000 tan metrik atau mampu untuk menampung keperluan populasi selama 45 hari. Pengeluaran padi dalam negara ditetapkan pada kadar tahap sara diri 70 peratus. Walau bagaimanapun penetapan kadar sara diri ini adalah kurang 20 peratus ketika fasa pemerintahan Abdullah. Sehubungan itu, bagi menampung pertambahan permintaan Mohd. Najib yang mengetuai pemerintahan Malaysia telah merancang memeterai perjanjian kontrak jangka masa panjang untuk mengimport beras daripada negara luar.

Rajah 7

Dasar Sekuriti Makanan untuk Pengeluaran Padi, Sayur-sayuran dan Buah-buahan dalam RMK10 Ketika Pemerintahan Mohd. Najib (Kekerapan)



Sumber: Malaysia (2011)

Pada masa yang sama, RMK10 turut memberi tumpuan kepada aktiviti pertanian bernilai tinggi yang merangkumi sayur-sayuran dan buah-buahan selain akuakultur, rumpai laut, herba serta rempah ratus dengan memberi tumpuan khusus supaya sumbangan komoditi ini kepada KDNK dapat ditingkatkan kepada dua peratus. Bagi tujuan ini, kerajaan telah merangka strategi bagi mencapai sasaran berkenaan iaitu dengan mengukuhkan pemasaran melalui perladangan kontrak dan pakatan strategik. Perhatian juga diberikan kepada penggalakan pertumbuhan berasaskan inovasi dan proses pengeluaran yang menggunakan teknologi perdagangan moden dan *Information and Communications Technology* (ICT). Sehubungan dengan hasrat ini, kerajaan bakal mempergiatkan penyediaan infrastruktur dan logistik untuk menyokong aktiviti nilai tambah terutama di kawasan pengeluaran makanan kekal. Malahan kerjasama R&D dengan institut penyelidikan pertanian adalah dipergiatkan untuk melonjakkan inovasi dalam pengeluaran, pembangunan produk baru, keselamatan dan kawalan mutu.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini hanya meneliti dasar kerajaan berhubung sekuriti makanan dalam usaha menambahkan pengeluaran tiga makanan utama negara iaitu padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Ia dilakukan menerusi analisis dokumen yang dibuat ke atas rancangan pembangunan lima tahun negara. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memfokuskan kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran bagi penternakan, perikanan dan akuakultur. Tambahan, ia juga tidak meliputi usaha kerajaan dalam mewujudkan sekuriti makanan melalui dasar perancangan tahunan misalnya bajet negara. Sehubungan itu, kajian lanjutan perlu dilakukan terhadap sekuriti makanan yang lebih luas terhadap komoditi makanan yang pelbagai dengan disertai usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan merangkumi dasar untuk setiap tahun disertai peruntukannya. Dengan melihat usaha kerajaan secara konsisten setiap tahun ini diharap kajian baru dapat membantu dalam pembinaan dasar sekuriti makanan yang lebih komprehensif.

RUMUSAN

Kejayaan sekuriti makanan di Malaysia yang meliputi pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran adalah disokong oleh dasar pembangunan kerajaan. Pada asasnya, dasar kerajaan ini meliputi aktiviti pembangunan pertanian makanan, pembukaan tanah baru dan penggunaan tanah secara optimum, serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Usaha yang diambil oleh kerajaan juga meliputi penyediaan infrastruktur pertanian yang lebih baik agar pengeluaran makanan mampu dilakukan pada skala yang besar dan pada masa yang sama dapat mengukuhkan kecekapan pemasaran. Namun pada masa yang sama, pembangunan aktiviti pertanian makanan juga turut memerlukan penyertaan daripada sektor swasta. Untuk itu, bagi memastikan sekuriti makanan terjamin, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah iaitu (1) meningkatkan perancangan yang komprehensif disertai dengan bajet yang mencukupi, (2) memperkasakan penggunaan teknologi dan R&D, serta (3) mewujudkan rangka kerja dasar yang mengambil kira faktor perubahan iklim. Langkah-langkah ini adalah perlu diambil bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara bukan sekadar untuk memenuhi kadar sara diri malahan pada masa yang sama mampu mengembangkan jumlah eksport makanan negara.

Lampiran 1

Dasar Sekuriti Makanan di Bawah Kepimpinan Mahathir, Abdullah dan Mohd. Najib untuk Pengeluaran Padi, Sayur-sayuran dan Buah-buahan (Kekerapan)

Pemimpin Mohd Najib	Mahathir				Abdullah
	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9
RMK10					
2011-	1986-	1991-	1996-	2001-	2006-
2015	1990	1995	2000	2005	2010
<i>Padi</i>					
	<i>Jumlah</i>				
Parit dan tali air	4	-	-	-	1
- 5					
Tumpuan 8 kawasan jelang padi	2	1	-	-	1
- 4					
Penyediaan infrastruktur	2	-	-	-	-
- 2					
Memenuhi keperluan domestik	1	-	-	-	-
- 1					
Meningkatkan produktiviti	1	2	-	1	3
1 8					
Perladangan estet	1	-	2	-	-
- 3					

Perladangan berkelompok	1	2	2	-	-
- 5					
Tukar guna tanah	1	1	-	-	-
- 2					
Pertanian integrasi	1	-	-	-	-
- 1					
Benih bermutu tinggi	-	1	1	-	2
- 4					
Bantuan baja	-	1	-	-	-
- 1					
Intensif harga	-	1	-	-	-
- 1					
Meningkatkan daya saing	-	-	2	-	1
- 3					
Pengurusan ladang berkesan	-	-	2	-	-
- 2					
Penyertaan swasta	-	-	1	1	-
- 2					
Teknik pengeluaran cekap	-	-	1	-	-
- 1					
Perladangan kontrak	-	-	1	-	-
- 1					
Operasi komersil	-	-	1	1	-
- 2					
Pengurusan air	-	-	1	-	3
- 4					
Pengeluaran berskala besar	-	-	1	-	-
- 1					
Meliberalisasi kecekapan pasaran	-	-	1	-	-
- 1					
Wujud Tabung Bagi Makanan	-	-	1	-	-
- 1					
Penyerataan tanah	-	-	1	-	-
- 1					
Peningkatan intensiti penanaman	-	-	1	-	-
- 1					
Pengurangan kerugian lepas tuai	-	-	1	-	-
- 1					
Teknologi	-	-	-	-	3
- 3					
R&D	-	-	-	-	3
- 3					
Bioteknologi	-	-	-	-	3
- 3					
Penyatuan dan pemulihan tanah	-	-	-	-	1
- 1					
Pemodenan pekebun kecil	-	-	-	-	1
- 1					
Penjenteraan moden	-	-	-	-	1
- 1					
Klon berhasil tinggi	-	-	-	-	1
- 1					
Beras sentiasa ada, mudah diakses dan harga berpatutan	1	1	-	-	-
Penyediaan stok beras	-	-	-	-	-
1 1					

Memeterai perjanjian kontrak untuk mengimport beras	-	-	-	-	-
1 1					
Naik taraf infrastruktur	-	-	-	-	-
1 1					
Penetapan kadar sara diri	-	-	-	-	-
1 1					
<i>Jumlah</i>	14	9	20	3	24
		6	76		
<i>Sayur-sayuran</i>					
Meningkatkan produktiviti	1	-	-	-	1
- 2					
Tanaman bernilai tinggi	-	2	-	-	1
2 5					
Tanaman hortikultur	-	2	-	-	-
- 2					
Penanaman di kawasan sedia ada	-	1	-	-	-
- 1					
Penanaman di tanah tinggi	-	1	-	-	-
- 1					
Penanaman di tanah bekas lombong	-	1	-	-	-
- 1					
Penyertaan swasta	-	-	4	-	1
- 5					
Untuk pasaran tempatan dan eksport	-	-	2	1	1
- 4					
Penanaman berskala besar	-	-	2	-	1
- 3					
R&D	-	-	1	-	3
1 5					
Sayur-sayuran bermutu tinggi	-	-	1	-	-
- 1					
Pertanian tanpa berasaskan tanah	-	-	1	-	-
- 1					
Teknik dan teknologi termaju	-	-	1	-	-
- 1					
Teknik lindungan hujan dan kalis serangga	-	-	1	-	-
- 1					
Intensif teknik pertanian moden	-	-	-	1	-
- 1					
Hidroponik	-	-	-	1	-
- 1					
Aeroponik	-	-	-	1	-
- 1					
Teknologi pengendalian lepas tuai	-	-	-	1	-
- 1					
Membuka tanah baru	-	-	-	1	-
- 1					
Bioteknologi	-	-	-	-	3
- 3					
Teknologi	-	-	-	-	2
- 2					
Zon pengeluaran baru	-	-	-	-	1
- 1					
Benih berhasil tinggi	-	-	-	-	1
- 1					

Klon berhasil tinggi	-	-	-	-	1
- 1	-	-	-	-	1
Khidmat sokongan	-	-	-	-	1
- 1	-	-	-	-	1
Infrastruktur	-	-	-	-	1
- 1	-	-	-	-	1
Sayur organik	-	-	-	-	-
1 1	-	-	-	-	-
Ladang kontrak dan pakatan strategik	-	-	-	-	-
1 1	-	-	-	-	-
Kemudahan logistik	-	-	-	-	-
1 1	-	-	-	-	-
<i>Jumlah</i>	1	7	13	6	18
6 51					
<i>Buah-buahan</i>					
Meningkatkan produktiviti	1	-	-	-	1
- 2	-	-	-	-	1
R&D	-	2	1	-	3
1 7	-	2	1	-	3
Penggunaan tanah secara intensif	-	2	-	-	-
- 2	-	2	-	-	-
Penggunaan tanah terbiar	-	1	-	-	-
- 1	-	1	-	-	-
Menggalakan tanaman untuk eksport	-	1	-	-	1
- 2	-	1	-	-	1
Teknologi	-	1	-	-	2
- 3	-	1	-	-	2
Teknologi bersepadu	-	1	-	-	-
- 1	-	1	-	-	-
Penyertaan swasta	-	-	4	-	1
- 5	-	-	4	-	1
Penanaman berskala besar	-	-	2	-	2
- 4	-	-	2	-	2
Untuk pasaran tempatan dan eksport	-	-	1	1	-
- 2	-	-	1	1	-
Pengezonan	-	-	1	-	-
- 1	-	-	1	-	-
Pengurusan estet	-	-	1	-	-
- 1	-	-	1	-	-
Teknik dan teknologi termaju	-	-	1	-	-
- 1	-	-	1	-	-
Tumpuan kepada 9 jenis buah	-	-	-	1	1
- 2	-	-	-	1	1
Kawasan pengeluaran kekal	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-
Taman teknologi pertanian	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-
Taman hortikultur bandar	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-
Ladang satelit	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-
Pertanian integrasi	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-
Membuka tanah baru	-	-	-	1	-
- 1	-	-	-	1	-

Bioteknologi	-	-	-	-	3
- 3					
Ladang moden	-	-	-	-	1
1 2					
Infrastruktur	-	-	-	-	1
1 2					
Zon pengeluaran buah-buahan	-	-	-	-	1
- 1					
Pembangunan berkelompok	-	-	-	-	1
- 1					
Zon pengeluaran baru	-	-	-	-	1
- 1					
Benih berhasil tinggi	-	-	-	-	1
- 1					
Klon berhasil tinggi	-	-	-	-	1
- 1					
Khidmat sokongan	-	-	-	-	1
- 1					
Pertanian bernilai tinggi	-	-	-	-	-
1 1					
Penekanan amalan akreditasi	-	-	-	-	-
1 1					
Ladang kontrak dan pakatan strategik	-	-	-	-	-
1 1					
ICT	-	-	-	-	-
1 1					
Kemudahan dan logistik	-	-	-	-	-
1 1					
Jumlah	1	8	11	8	22
					8
					58

Sumber: Malaysia (1986), Malaysia (1991), Malaysia (1996), Malaysia (2001), Malaysia (2006) dan Malaysia (2011)

RUJUKAN

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Martadha Mohammed & Zahrul Akmal Damin. (2012, Disember). *The effects of national budgetary on food security policy agenda*. Kertas kerja dibentangkan di Network of Asia Pacific Schools and Institutes of Public Administration and Governance (NAPSIPAG): Development Challenges in the Asia Pacific: Millineum Development Goals and Beyond, Sri Lanka.
- Ahmad Martadha Mohammed & Zahrul Akmal Damin. (2013, Disember). *Industrialization and sustainable food security: New Challenge for Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Network of Asia Pacific Schools and Institutes of Public Administration and Governance (NAPSIPAG): Locked in Growth Patterns: Revisiting Land, Water and Disaster for The Post 2015 Development Agenda, New Delhi.
- Ahmad Zubir Ibrahim, Chamhuri Siwar, & Rospidah Ghazali. (2010). *Keselamatan makanan negara: Analisis perbelanjaan awam dalam*

- sektor padi. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia , 7-9 Jun 2010, Pekan Baru.
- Aruna, P. (2012, March 30). P-rice of progress. *The Star*, 1.
- Bashar, O. K. M. R., & Khan, H. (2013). Economic policy implications for socio-economic development in a fast-growing economy: The case of Malaysia. *International Journal of Trade and Global Markets*, 6 (1), 40-50.
- Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan. (2002). *Ekonomi Malaysia* (Ed. ke-5). Petaling Jaya: Pearson.
- Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hasan, & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia* (6th ed.). Petaling Jaya: Pearson.
- Darni M. Daud. (2007, February). Pidato rektor Universitas Syiah Kuala, Aceh. In Darni M. Daud, *Pembangunan sumber manusia dalam pembangunan negara*. Symposium conducted at the meeting of Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH), Aceh.
- Ferdoushi Ahmed & Chamhuri Siwar. (2013). Food security status, issues and challenges in Malaysia: A review. *Journal of Food, Agriculture and Environment (JFAE)*, 11(2), 219-223.
- Food and Agriculture Organization of United Nations. (2001). *The state of food insecurity in the world 2001*. Rome: Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Gesper, D. (2005). Securing humanity: Situating 'human security' concept and discourse. *Journal of Human Development and Capabilities*, 6 (2), 221-245.
- Haq, M. (1995). *Reflections on human development*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Hill, H., Yean, T. S., & Ragayah, M. Z. (2012). Malaysia: a success story stuck in the middle? *The World Economy*, 1687-1711.
- Hirschman, C. (2013). Malaysia's development challenges: Graduating from the Middle. *Asian-Pacific Economic Literature*, 27 (1), 163-165.
- Hoddinot, J., Wheeler, R. S., Berhane, G., Handino, M., Kumar, N., Lind, J., Taffesse, A. S. & Tefera, M. (2013). Implementing large scale food security programs in rural Ethiopia: Insights from the productive safety net program. In D. Rahmato, A. Pankhurst & J. G. Uffelen (Eds.), *Food security, safety nets and social protection in Ethiopia*. Ethiopia: Forum for Social Studies.
- Hoddinot, J. (1999). *Operationalizing household food security in development projects: An introduction*. Washington: International Food Policy Research Institute (IFPRI).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1985). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- _____ (1990). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- _____ (1995). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- _____ (2000). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 2000*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- _____ (2006). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 2005*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- _____ (2011). *Buku tahunan perangkaan Malaysia 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Jam populasi: Malaysia*. Diambil daripada <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=en>.
- Jeshurun, C. (1993). Malaysia: The Mahathir supremacy and vision 2020. *Southeast Asian Affairs*, 203-223.
- Kamarudin Othman, Rosman Mahmood & Mohamad Shukri Johari. (2006). *Hubungan eksport terhadap peningkatan produktiviti sektor pembuatan di Malaysia: Satu kajian Granjer Causality*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (1985). *Laporan ekonomi 1985/86*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1986). *Laporan ekonomi 1986/87*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1987). *Laporan ekonomi 1987/88*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1988). *Laporan ekonomi 1988/89*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1989). *Laporan ekonomi 1989/90*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1990). *Laporan ekonomi 1990/91*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1991). *Laporan ekonomi 1991/92*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1992). *Laporan ekonomi 1992/93*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1993). *Laporan ekonomi 1993/94*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1994). *Laporan ekonomi 1994/1995*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1995). *Laporan ekonomi 1995/1996*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1996). *Laporan ekonomi 1996/1997*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1997). *Laporan ekonomi 1997/1998*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1998). *Laporan ekonomi 1998/1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (1999). *Laporan ekonomi 1999/2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2000). *Laporan ekonomi 2000/2001*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

- _____ (2001). *Laporan ekonomi 2001/2002*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2002). *Laporan ekonomi 2002/2003*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2003). *Laporan ekonomi 2003/2004*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2004). *Laporan ekonomi 2004/2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2005). *Laporan ekonomi 2005/2006*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2006). *Laporan ekonomi 2006/2007*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2007). *Laporan ekonomi 2007/2008*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2008). *Laporan ekonomi 2008/2009*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2009). *Laporan ekonomi 2009/2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2010). *Laporan ekonomi 2010/2011*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2011). *Laporan ekonomi 2011/2012*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2012). *Laporan ekonomi 2012/2013*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. (2012). *Perangkaan agromakanan 2011*. Putrajaya: Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. (2011). *Dasar agromakanan negara 2011-2020*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2005). *Dasar bioteknologi negara*. Putrajaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Klenke, K. (2008). *Qualitative research in the study of leadership*. UK: Emerald Group Publishing Limited.
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2013). *Industri barang makanan*. Diambil daripada <http://www.mida.gov.my/bm/index.php?page=makanan>.
- Mahani Zainal Abidin. (2004, October). Pemikiran ekonomi Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan negara dari perspektif korporat. In Abdul Aziz Abdul Rahman, *Ekonomi*. Symposium conducted at the meeting of Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), Bangi.
- Mahathir Mohamad. (2007, Februari). Pidato Tun Dr. Mahathir Mohamad. In Darni M. Daud, *Pembangunan sumber manusia dalam pembangunan negara*. Symposium conducted at the meeting of Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH), Aceh.

- Malaysia. (1986). *Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1991). *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____ (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____ (2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mechlem, K. (2004). Food security and the right to food in discourse of the United Nations. *European Law Journal*, 10 (5), 631-648.
- Ministry of Agriculture Malaysia. (1999). *Third national agricultural policy (1998-2010)*. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture Malaysia.
- Ministry of Finance Malaysia. (2011). *Economic report 2011/2012*. Kuala Lumpur: Ministry of Finance Malaysia.
- Mohd Mohit Hamzah, Salahuddin Tambi, Aslinah Lee, Yusmizawati Mohd Yusob, Norhayati Zaini, Helda Sauki & Effandy Ma Salleh. (2008). *Peranan teknologi dalam meningkatkan pengeluaran makanan*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah, 4 Julai 2008, Kota Kinabalu.
- Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Mohd Rashid. (2005). *Pengajian Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Nettle, C. (2013). Food sovereignty: Reconnecting food, nature and community. *Agriculture and Human Value*. Diambil daripada <http://link.springer.com/article/10.1007/s10460-013-9441-y>.
- Noga, J., & Wolbring, G. (2013). An analysis of the United Nations conference on sustainable development (Rio +20) discourse using an Ability Expectation Lens. *Sustainability*, 5, 3615-3639. doi:10.3390/su5093615
- Noorfazreen Mohd Aris & Asmak Ab Rahman. (2011). Perlaksanaan dasar sekuriti makanan di Malaysia: Kajian daripada perspektif ekonomi Islam. *Jurnal Syariah*, 19 (1), 39-62.
- Padilla, M. (1997, April). *Food security in African cities: The role of food supply and distribution systems*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar food supply and distribution in francophone African Towns, Food and Agriculture Organization of United Nations, Dakar.
- Rajah Rasiah. (2011a). 'Overview of Malaysia economy' in *Malaysian economy: Unfolding growth and social change*. (Edr Rajah Rasiah). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rajah Rasiah. (2011b). 'Industrial policy and industrialization' in *Malaysian economy: Unfolding growth and social change*, (Edr Rajah Rasiah). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd. -

- Riley, L. & Legwegoh, A. (2013). Comparative urban food geographies in Blantyre and Gaborone. *African Geographical Reviews*. Advance online publication. doi: 10.1080/19376812.2013.805148
- Rosegrant, M. W., Tokgoz, S., & Bhandary, P. (2013). The new normal? A tighter global agricultural supply and demand relation and its implication for food security. *American Journal of Agricultural Economics*, 95 (2), 303-309.
- Ruhaidini Abd. Kadir. (2013, Jun 6). *Mengajak anak muda menyertai pertanian*. Diambil daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130609/re_09/Mengajak-anak-mudauntuk - menyertai-pertanian](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130609/re_09/Mengajak-anak-mudauntuk-menyertai-pertanian).
- Shaw, D. J. (2007). *World food security: A history since 1945*. New York: Palgrave MacMillan.
- Sneyd, L. Q., Legwegoh, A., & Fraser, E. D. G. (2013). Food riots: Media perspectives on the causes of food protest in Africa. *Food Security*, 5, 485-497.
- Zahrul Akmal Damini & Ahmad Martadha Mohammed. (2013, November). *Agenda dasar sekuriti makanan dan implikasinya terhadap perancangan negara*. Kertas kerja dibentangkan di Forum Ikatan Profesor Indonesia-Malaysia (IPIMA) 2013: Pertanian dan Kedaulatan Pangan (Agriculture and Food Sovereignty), Indonesia.
- Zahrul Akmal Damini, Fauziah Ani, Lutfan Jaes, Khairunesa Isa & Harliana Halim. (2012). *UWS 10103 Kenegaraan dan pembangunan mutakhir Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Zahrul Akmal Damini, Padilah Dahaman, Azura Ab Rahman, Mek Eshah Yusoff, Hasani Dali, Abd Shukor Shaari, Mohd Sofian Omar-Fauzee & Mohd Hafiz Rosli. (2012). The determining factor in an undergraduate heading for a postgraduate degree as part of continuous learning. *Journal of Education Review*. Vol. 5, No. 3: 427-437.